

18/04/1997

Pas wajar cari alternatif lain

Insan Cintakan Keamanan

SAYA terperanjat apabila mengetahui penyokong Pas melakukan rusuhan yang sepatutnya dielakkan dalam keadaan negara mengamalkan sistem demokrasi.

Lebih menyedihkan ialah pembabitian pelajar berpendidikan tinggi. Walaupun kita membantah kehadiran ahli kriket Israel namun rusuhan seperti yang terjadi itu tidak sepatutnya berlaku.

Laporan seorang ahli Pas cedera dipukul polis amat menyedihkan dan saya simpati ia terjadi ke atas warga tua seperti beliau. Namun ia juga disebabkan kedegilan beliau mematuhi arahan pihak berkuasa supaya penyokong Pas bersurai.

Saya bersetuju dengan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa tunjuk perasaan adalah satu perbuatan bodoh. Adakah insiden ini satu taktik Pas untuk menagih simpati atau pengaruh?

Saya berbangga kerana negara kita mempunyai pemimpin yang cekap dan mementingkan keamanan. Saya berharap pemimpin masa depan akan mempunyai sifat seperti Perdana Menteri.

Isu tunjuk perasaan sehingga melontar batu haruslah dielakkan pada masa akan datang.